

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2021**

**PENGURANGAN 70 PERATUS (%) TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DAN  
KELULUSAN DASAR PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA PENTADBIR-  
PENTADBIR TANAH BAGI MENGELUARKAN KELULUSAN PENGURANGAN  
TERSEBUT BAGI TAHUN 2021**

---

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-10 Tahun 2021 yang bersidang pada 19hb Mei 2021 telah bersetuju meluluskan cadangan untuk memberikan pengurangan 70 peratus (%) tunggakan denda cukai tanah dan kelulusan dasar Pihak Berkuasa Negeri kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi mengeluarkan kelulusan pengurangan tersebut.

2. Pelaksanaan permohonan pengurangan ke atas tunggakan denda cukai tanah adalah sebagaimana di bawah:

2.1 Permohonan ini terbuka kepada semua pemilik tanah yang mempunyai tunggakan denda tanpa mengira jumlah tunggakan denda. Namun, kelulusan ini tidak terpakai ke atas hakmilik yang telah dikeluarkan Notis Tuntutan Tunggakan Sewa (Borang 6A Kanun Tanah Negara 1965).

2.2 Permohonan boleh dikemukakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Pejabat Tanah dan Jajahan seluruh Negeri Kelantan, dan Kaunter Perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan, UTC Kelantan. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan cabutan hakmilik yang berkaitan dan bayaran memfail berjumlah RM10.00.

2.3 Pentadbir-Pentadbir Tanah berjawatan Ketua Jajahan dan Timbalan Ketua Jajahan dibenarkan untuk mengeluarkan kelulusan kepada permohonan pengurangan tersebut.

2.4 Permohonan pengurangan bagi beberapa hakmilik yang dimiliki oleh pemilik yang sama atau dimana pemilik adalah salah seorang pemilik bersama, boleh dibuat dalam satu permohonan. Manakala bagi hakmilik yang berbeza, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula 1hb Jun 2021 sehingga 31hb Disember 2021 sahaja dan Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, (D.P.S.K. Kelantan), K.M.N**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

**KEPADA :**

YBhg. Dato'/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**FAIL : PTG.KN.16/4/48**

**BERTARIKH : 18 SYAWAL 1442H**

**30 MEI 2020**